
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2015/2016

Jun 2016

HIT 522 – TOKOH-TOKOH PERIWAYATAN HADITH

Masa : 3 jam

Sila pastikan kertas soalan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Bincangkan secara kritis ketokohan periwayat-periwayat hadith di bawah menurut perspektif ilmu hadith :

[a] Anas ibn Malik.

[25 markah]

[b] 'Amrah bint Abdul Rahman.

[25 markah]

[c] Muhammad ibn Sirin.

[25 markah]

[d] Sa'id ibn al-Musayyib.

[25 markah]

2. Bincangkan secara kritis ketokohan DUA orang tokoh perawi hadith lelaki daripada kalangan *kibar al-tabi'ain* dan DUA orang tokoh perawi hadith wanita daripada kalangan Sahabat berdasarkan periwayatan mereka.

[100 markah]

3. [a] Al-Hasan ibn Abi al-Hasan al-Basri seorang tokoh yang sempat bertemu dengan ramai Sahabat. Beliau dianggap sangat mahsyur sebagai seorang muhaddith. Bincangkan beberapa kritikan ulama hadith terhadap periwayatan beliau.

[30 markah]

[b] Yahya ibn Ma'ain pernah berkata, "*Sufyan al-Thauri amir al-mukminin fi al-hadith*". Bincangkan maksud pernyataan tersebut dalam konteks ketokohan Sufyan sebagai seorang ulama hadith.

[30 markah]

- [c] Pada zaman keemasan ilmu hadith muncul Abu Daud *al-Azdi al-Sijistani* sebagai seorang ilmuan dalam bidang hadith. Bincangkan ketokohan beliau secara terperinci.

[40 markah]

4. Bincangkan secara kritis menurut perspektif ilmu hadith ketokohan EMPAT serangkai yang diistilahkan *rawah al-'Abadilah al-Arba'ah* (رواه العبادلة الأربعة) .

[100 markah]

5. [a] Terdapat beberapa orang tokoh hadith yang diberi gelaran *amir al-mu'minin fi al-Hadith*, antara mereka ialah Syu'bah ibn al-Hajjaj dan 'Amir ibn Syurahil al-Sya'bi. Bincangkan ketokohan kedua-dua mereka.

[50 markah]

- [b] Terdapat dua orang tokoh besar ulama hadith dalam kalangan muta'akhirin, iaitu Syu'ib al-Arnaut dan al-Dhahabi. Bincangkan ketokohan kedua-dua mereka.

[50 markah]